

25 JUL 2002

Mahathir-Semangat

DR MAHATHIR AKAN TERUS BERBAKTI TINGKATKAN SEMANGAT RAKYAT

JOHOR BAHRU, 25 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara Oktober tahun depan, hari ini memberikan sedikit gambaran bagaimana beliau akan menggunakan masa lapangnya selepas persaraan.

Perdana Menteri berkata tetap bersama-sama Barisan Nasional (BN) dan Umno walaupun selepas meletakkan jawatan dalam kerajaan dan parti.

"Saya berharap apabila saya tidak lagi menjawat jawatan Perdana Menteri, bahkan tidak lagi menjadi Presiden Umno, ini akan memberi masa yang lebih bagi saya untuk melawat dan berjumpa dengan ahli-ahli Umno di peringkat akar umbi," katanya.

Beliau memberikan gambaran itu ketika berucap menutup Konvensyen BN Johor di sini hari ini yang ternyata melegakan anggota dan pemimpin Umno serta Barisan Nasional di Johor yang sebelum itu berat hati untuk berpisah dengan Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata beliau akan berusaha menghidupkan semula "satu semangat yang membawa kejayaan kepada negara kita."

Dr Mahathir berkata semangat yang dimaksudkannya itu ialah semangat ketika penubuhan Umno dan bangkit menentang Malayan Union dengan melupakan perasaan kenegerian masing-masing walaupun pada masa itu mereka tidak menganggap mereka orang Melayu tetapi anak negeri masing-masing.

Katanya semangat itu yang menyatukan seluruh orang Melayu tidak wujud sebelum penubuhan Umno tetapi selepas mereka bergabung di bawah kepimpinan allahyarham Datuk Onn Jaafar, minda orang Melayu berubah dan menganggap mereka semua sebagai orang Melayu.

"Sehinggakan British terpaksa menghormati pandangan orang Melayu yang bersatu di bawah pimpinan Datuk Onn Jaafar... sehingga berjaya menghapuskan Malayan Union, satu rancangan yang dibawa oleh satu kuasa besar ketika itu... dengan orang Melayu akhirnya dapat mempertahankan hak-hak mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata semangat keMelayuan yang dibangunkan melalui Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau Perkembar atau United Malays National Organisation atau Umno itulah yang akan cuba beliau hidupkan semula.

"Sumbangan Umno kepada orang Melayu pada ketika itu memang besar dan tiada bandingannya dalam sejarah orang Melayu," katanya.

-- BERNAMA

MNY LAT